

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ingin mempelawa calon di kalangan Warganegara Malaysia yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama merealisasikan wawasan universiti sebagai Universiti No. 1 Pendidikan di Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.


Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	TARAF
1.	Kumpulan Pelaksana	Skim Perkhidmatan Khas Universiti	19	Kontrak

## PANDUAN PERMOHONAN

- Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI* ([myjobs.upsi.edu.my](http://myjobs.upsi.edu.my)).
- Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu **mengemaskini profil** dan jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.
- Permohonan secara atas talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan atas talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.
- Setelah permohonan lengkap diisi,
  - silalah cetak** dan pastikan gambar berjaya dimuat naik/dilekatkan;
  - silalah sertakan salinan keputusan-keputusan peperiksaan, sijil-sijil Kokurikulum dan sebagainya yang berkaitan (yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas);
  - cetakan permohonan dihantarkan ke alamat seperti di bawah;
  - pemohon yang terdiri daripada warga UPSI (kakitangan bertaraf kontrak / sementara) perlu menghantar permohonan bersama surat iringan kepada Pendaftar UPSI melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa di bahagian Berita/Maklumat Terkini di [myjobs.upsi.edu.my](http://myjobs.upsi.edu.my) untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara atas talian di ruangan tersebut.
- Pemohon diminta mengisi alamat emel yang aktif. Permohonan secara atas talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.
- Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.**
- Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
- Silalah hantarkan permohonan ke:
 

**Unit Perjawatan  
Bahagian Sumber Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak**
- Untuk sebarang pertanyaan, silalah hubungi Unit Perjawatan, BSM
 

 05 – 450 6328 / 6338 / 6399

## TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan jawatan yang diiklankan adalah pada **16 Disember 2019**.

# 1. Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 19

1. (a) Jawatan : **Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 19**
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana berkelayakan SPM
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
2. Emolumen / Gaji :
- | Gred | Honorarium |
|------|------------|
| 19   | RM1,550.00 |
3. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun.
4. Syarat Lantikan :
  - Warganegara Malaysia.
  - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :
  - Calon bagi lantikan dengan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
6. Taraf Jawatan : Kontrak
7. Tempoh Lantikan : Tempoh pelantikan hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) bulan tetapi tidak melebihi 36 bulan (3 tahun).
8. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.